

ABSTRAK

KEBERKESANAN PELAKSANAAN PENGURUSAN RISIKO DI KOPERASI TIER 1 DAN TIER 2 DI MALAYSIA

Oleh

Ruzilah Abd Malek, Ahmad Faizal Shaarani, Mohd. Shahron Anuar Said

Azmaliza Arifin, Intan Nur Azreen Mohamad Radzi

Jun 2015

Maktab Koperasi Malaysia

Pertumbuhan pesat bilangan koperasi di negara ini adalah sebanyak 12,493 sekitar tahun 2015 yang terdiri daripada pelbagai jenis, saiz dan darjah yang kompleks memerlukan pelaksanaan pengurusan risiko yang efisien di koperasi. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan, kesedaran dan komitmen pengurusan risiko di kalangan staf pengurusan. Kajian juga dilakukan untuk mengetahui sejauhmana koperasi Tier 1 dan Tier 2 melaksanakan pengurusan risiko di koperasi seterusnya menubuhkan Jawatankuasa dan Unit Pengurusan Risiko. Kajian ini telah dijalankan terhadap 40 koperasi di Malaysia yang diklasifikasi sebagai koperasi Tier 1 dan Tier 2. Responden kajian ini terdiri daripada 194 orang yang merupakan pengurusan tertinggi koperasi yang menghadiri mesyuarat pengurusan. Metodologi kajian ini berdasarkan kaedah kuantitatif "*census survey*" dengan menggunakan borang soal selidik. Kaedah analisis yang digunakan adalah deskriptif dan inferential. Hasil kajian mendapati sebahagian besar responden (70%) dari sekitar Lembah Klang, manakala selebihnya dari negeri Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Kedah, Pahang, Sabah dan Sarawak. Dapatan kajian ini mendapati tahap kesedaran terhadap pengurusan risiko lebih tinggi dalam kalangan koperasi Tier 1 berbanding koperasi Tier 2.

Kata Kunci: Pengurusan Risiko Koperasi, Komitmen, Tier 1, Tier 2.